

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN**  
**PENTADBIRAN KONTRAK**

**PERUBAHAN KERJA, TUNTUTAN DAN AKAUN MUKTAMAD**

**SOALAN-SOALAN LAZIM - Frequently Asked Question (FAQ)**

- 1) Bolehkah perubahan kerja dilaksanakan di tapak bina sebelum Permohonan Perubahan Kerja diluluskan?

Merujuk kepada Arahan Perbendaharaan (A.P.) 202.2, sebelum apa-apa perubahan kerja yang melibatkan tambahan kos dikeluarkan kepada kontraktor, P.P. hendaklah memohon dan mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Perubahan Kerja.

Namun demikian, sekiranya P.P. mengeluarkan arahan perubahan kerja kepada kontraktor tanpa mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Perubahan Kerja, maka menurut klaus 5.1(a) syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010), kontraktor masih perlu mematuhi arahan perubahan kerja tersebut. Dalam hal ini, sekiranya arahan tersebut melibatkan pertambahan kos, maka Kerajaan masih bertanggungan untuk membayar kepada kontraktor.

Maka dengan itu adalah wajar P.P. mematuhi keperluan A.P. tersebut.

- 2) Bilakah Perakuan Muktamad perlu disediakan? Peruntukan kontrak menyatakan perlu disediakan dan dikeluarkan tidak lewat dari 3 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan atau Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan, mana yang terkemudian, manakala Surat Arahan KPKR Bil. 13/2011 menyatakan bahawa Perakuan Muktamad perlu disiapkan dalam masa 9 bulan.

Menurut klaus 31.3 syarat-syarat kontrak P.W.D. 203/230A(Rev.1/2010), Perakuan Muktamad hendaklah dikeluarkan **dalam tempoh 3 bulan selepas**

berakhirnya Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) atau **selepas** terkeluarnya Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (PSMK), yang mana lebih terkemudian. Ini bermakna P.P. bolehlah mengeluarkan Perakuan Muktamad meskipun DLP masih belum lagi berakhir atau PSMK masih belum lagi dikeluarkan. Namun demikian, adalah tidak wajar bagi P.P. untuk mengeluarkan Perakuan Muktamad sekiranya DLP masih belum lagi berakhir atau PSMK masih belum lagi dikeluarkan oleh kerana P.P. boleh berhadapan dengan tindakan kecuaian.

Menurut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2012, Perakuan Muktamad hendaklah **disediakan** dalam tempoh 9 bulan dari tarikh Perakuan Siap Kerja bagi projek Konvensional atau 12 bulan dari tarikh Perakuan Siap Kerja bagi projek Reka dan Bina. Namun demikian, menurut SPP tersebut Perakuan Muktamad yang telah disediakan itu mestilah dimuktamadkan setelah tempoh DLP berakhir atau selepas terkeluarnya PSMK; yang mana lebih terkemudian, dengan mengambil kira apa-apa potongan yang perlu dipotong dalam tempoh DLP. Selepas itu P.P. hendaklah **mengeluarkan** perakuan muktamad sebagaimana yang diperuntukkan di dalam syarat-syarat kontrak. Dalam hal ini, SA KPKR Bil. 14/2012 telah dikeluarkan selaras dengan SPP Bil. 1 Tahun 2012.

Untuk tujuan ini pihak pengurusan atasan JKR telah memutuskan agar P.P. menyediakan draf Perakuan Muktamad dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh Perakuan Siap Kerja. Namun demikian draf perakuan muktamad ini perlulah dimuktamadkan dan dikemukakan kepada kontraktor menurut syarat-syarat kontrak iaitu apabila berakhirnya DLP atau selepas terkeluarnya PSMK yang mana terkemudian.

- 3) Adakah Surat Akuan Statutori yang diperlu dikemukakan oleh kontraktor sebelum bayaran akhir boleh dibuat, sebagaimana yang disyaratkan di dalam syarat-syarat kontrak, menjamin bahawa pekerja yang terlibat dalam Kerja, termasuk pekerja yang digajikan oleh kontraktor, subkontraktor sama ada

yang dinamakan ataupun tidak, telah menerima semua gaji yang perlu dibayar?

Menurut klaus 31.5 syarat-syarat kontrak P.W.D. 203/203A (Rev.1/2010), tiada bayaran boleh dibuat melainkan atau sehinggalah surat akuan statutori dikemukakan oleh kontraktor yang memperakukan secara statutori bahawa kesemua pekerja yang terlibat di dalam projek ini telahpun dibayar. Dalam hal ini, pekerja yang terlibat hendalah termasuk para pekerja kontraktor, dan para subkontraktor dinamakan ataupun subkontraktor domestik.

Namun demikian tujuan surat akuan statutori bukanlah merupakan satu jaminan bahawa kontraktor telah membayar gaji pekerja tetapi hanyalah bertujuan untuk melindungi kepentingan Kerajaan bagi memastikan kontraktor sudahpun membayar gaji pekerja. Ini adalah kerana menurut seksyen 33 Akta Kerja 1955, Kerajaan, kontraktor dan subkontraktor adalah bertanggungan bersesama dan berasingan untuk memastikan bayaran dibuat kepada para pekerja yang terlibat bagi Kerja.

Sehubungan dengan itu tujuan perakuan statutori adalah untuk melindungi Kerajaan dalam keadaan di mana para pekerja mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap Kerajaan di bawah seksyen 33 Akta Kerja 1955. Sekiranya Kerajaan diputuskan bertanggungan oleh mahkamah, maka kontraktor bertanggungan untuk menanggung kerugian Kerajaan.

4) Sekiranya peruntukan VOP di dalam kontrak utama adalah indeks berlandaskan SPP Bil. 14 Tahun 1991, tetapi peruntukan VOP yang dimasukkan ke dalam subkontrak subkontraktor dinamakan adalah berlandaskan SPP Bil. 3 Tahun 2008, bolehkah kedua-dua peruntukan VOP tersebut dikuatkuasakan?

Isu mengenai VOP di antara Kerajaan dengan kontraktor atau di antara subkontraktor dinamakan dengan kontraktor merupakan satu isu yang ada hubungan dengan peruntukan kontrak. Maka, sekiranya benar terdapat

peruntukan VOP berdasarkan SPP Bil. 14 Tahun 1991 di dalam kontrak di antara kontraktor dengan Kerajaan, maka penilaian oleh P.P. hendaklah berdasarkan kepada peruntukan khas yang dinyatakan di dalam kontrak tersebut.

Bagi bayaran VOP untuk subkontraktor dinamakan, satu peruntukan khas mestilah diadakan di dalam peruntukan subkontrak di antara kontraktor dengan subkontraktor dinamakan. Seterusnya mestilah diadakan satu lagi peruntukan khas di dalam kontrak utama di antara Kerajaan dengan kontraktor bagi membenarkan penilaian serta bayaran dibuat bagi VOP yang berkaitan dengan kerja subkontraktor dinamakan.

Selagi mana terdapat peruntukan khas bagi kedua-dua kontrak utama dan subkontrak, maka peruntukan VOP bolehlah dikuatkuasakan.

5) Apakah takrif perubahan kerja?

Menurut klausula 24.2 syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010), perubahan kerja bermaksud perubahan kepada dokumen kontrak yang memerlukan perubahan atau pengubahsuaian kepada reka bentuk, kualiti atau kuantiti Kerja yang dihuraikan dan dirujuk di dalam dokumen kontrak dan menjelaskan Harga Kontrak; termasuklah:

- (a) tambahan, kurangan atau gantian;
- (b) perubahan kepada jenis atau piawaian mana-mana bahan, barang yang digunakan dalam Kerja;
- (c) pengalihan daripada tapak bina kerja yang telah dibina atau bahangan binaan atau barang yang dibawa masuk oleh kontraktor.

Namun demikian, perubahan kerja mestilah dibezakan dengan perubahan skop kerja. Menurut nas-nas perundangan yang diputuskan oleh mahkamah dalam beberapa kes, sekiranya sesuatu perubahan kerja melibatkan kenaikan kos yang mendadak ataupun perubahan kerja tersebut menyebabkan ianya

tidak boleh dikesan daripada skop asal kontrak, maka ia bukanlah satu perubahan kerja yang dimaksudkan di dalam kontrak. Sebaliknya, ia lebih merupakan satu perubahan skop kerja di mana kedua-dua belah pihak telah menulis semula kontrak tersebut.

Satu lagi nas perundangan yang diputuskan oleh mahkamah adalah, sekiranya perubahan kerja tersebut menyebabkan satu perubahan yang material kepada teknologi pembinaan, contohnya, perubahan reka bentuk daripada kerangka konkrit ke kerangka keluli bagi sebuah bangunan, maka ianya bukanlah satu perubahan kerja oleh kerana perkara tersebut bukanlah sesuatu yang boleh dijangka secara munasabah apabila kedua-dua belah pihak memasuki kontrak pada peringkat permulaan.

6) Adakah Urusetia Jawatankuasa Perubahan Kerja menghendaki huraian terperinci bagi tujuan meluluskan perubahan kerja yang dipohon?

Menurut SA KPKR Bil. 5/2008, pemohon hendaklah menggunakan borang JKR-KPK (Pind. 1/2008) untuk memohon kepada Jawatankuasa Perubahan Kerja demi untuk mendapat kelulusan sebelum arahan perubahan kerja dikeluarkan kepada kontraktor. Di samping itu, nilai anggaran kerja perubahan perlulah juga dikemukakan di mana ia merupakan satu nilai anggaran sementara yang mana hendaklah disokong dengan butir-butir pengiraan yang disahkan oleh P.P. atau Wakil P.P..

Maka, selepas perubahan kerja tersebut disiapkan oleh kontraktor, P.P. atau wakil P.P. hendaklah menilai dan memuktamadkan perubahan kerja yang telah dilaksanakan dan seterusnya menyediakan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) untuk kelulusan.

7) Apakah kadar harga yang perlu digunakan bagi menilai perubahan kerja?

Menurut klaus 25.1(a) dan (b) syarat-syarat kontrak P.W.D. 203/203A (Rev. 1/2010), ia menetapkan peraturan bagi P.P. untuk menilai perubahan kerja yang telah dilaksanakan. Dalam hal ini tigaakah peraturan penilaian perlulah digunakan oleh P.P., iaitu:

- a) Dalam keadaan di mana kerja adalah sama sifatnya dan dilaksanakan dalam keadaan yang sama, kadar harga kontrak hendaklah digunakan.
  - b) Dalam keadaan di mana kerja tidak sama sifatnya atau tidak sama keadaan kerjanya, maka kadar harga kontrak hendaklah digunakan sebagai asas (pro-rata) setakat mana ia adalah munasabah. Dalam hal ini sifat kerja yang dimaksudkan adalah di mana keadaan perbezaan di antara sifat kerja di dalam kontrak dengan sifat kerja yang telah dilaksanakan tidak jauh perbezaannya, maka barulah kadar harga pro-rata boleh digunakan. Begitu juga dalam keadaan di mana perbezaan keadaan kerja yang dibina jika dibandingkan dengan keadaan kerja di dalam kontrak adalah sedikit sahaja, maka kadar harga kontrak bolehlah menjadi asas untuk menilai perubahan kerja.
  - c) Sekiranya kadar harga kontrak tidak boleh digunakan atau tidak boleh diasaskan, maka kadar harga yang saksama hendaklah digunakan.
- 8) Sekiranya kuantiti kerja yang diperuntukkan di dalam kontrak adalah sebagai kuantiti sementara dan selepas pengukuran semula kuantiti sementara dibuat didapati naik secara mendadak, bagaimanakah pertambahan kuantiti itu perlu dinilai?

Menurut klaus 26.6 syarat-syarat kontrak P.W.D. 203A (Rev.1/2010), peraturan untuk menilai pengukuran semula kuantiti sementara hendaklah dinilai sebagaimana yang dinyatakan di dalam klaus 25.1 syarat-syarat kontrak yang sama. Sehubungan dengan itu peraturan-peraturan penilaian yang terlibat ialah:

- a) Sifat kerja yang sama dan keadaan kerja yang sama;

- b) Sifat kerja yang tidak sama atau keadaan kerja tidak sama, setakat mana yang munasabah;
- c) Kadar harga yang saksama

Maka dengan itu, sekiranya terdapat kenaikan kuantiti kerja yang mendadak, ia boleh melibatkan perbezaan keadaan kerja daripada apa yang dinyatakan di dalam Senarai Kuantiti. Dalam hal ini, P.P. bolehlah menggunakan kaedah penilaian kadar harga sebagai asas (pro-rata) dan/atau kadar harga saksama untuk menilai pertambahan kerja yang mendadak tersebut sahaja.

- 9) Bolehkah disediakan penyata akaun muktamad jika surat akaun statutori tidak dikemukakan?

Menurut 31.5 syarat-syarat kontrak P.W.D. 203/203A (Rev.1/2010), tiada bayaran boleh dibuat ke atas Perakuan Muktamad yang dikeluarkan oleh P.P. selagi mana satu perakuan statutori tidak dikemukakan oleh kontraktor yang memberi satu akuan statutori bahawa semua para pekerja yang terlibat di dalam pelaksanaan sesebuah projek itu telah dibayar gaji.

Maka sehubungan dengan itu, Perakuan Muktamad bolehlah dikeluarkan oleh P.P. meskipun kontraktor tidak mengemukakan surat akuan statutori tetapi bayaran akhir hanya boleh dibuat apabila surat akuan statutori dikemukakan kepada Kerajaan.

- 10) Sekiranya dokumen kontrak mengandungi peruntukan khas bagi VOP, bolehkah peruntukan khas tersebut dibatalkan?

Klausa 30 syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010) jelas menyatakan bahawa sekiranya peruntukan khas bagi VOP dimasukkan sebagai terma kontrak, maka P.P. hendaklah mengeluarkan Perakuan Bayaran Interim dengan mengambil kira perubahan harga bahan-bahan binaan (VOP). Jumlah bersih perkiraan VOP tersebut kemudiannya hendaklah dikurangkan daripada atau ditambahkan kepada Harga Kontrak.

Sehubungan dengan itu, memandangkan bahawa VOP merupakan salah satu terma kontrak, maka ia tidak boleh dibatalkan oleh mana-mana pihak.

- 11) Bolehkah bayaran dibuat selepas tarikh siap kerja? Sekiranya boleh, apakah tarikh penilaian yang perlu dinyatakan di dalam Perakuan Bayaran Interim?

Klausula 28 syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010) tidak menghalang bayaran interim dibuat selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, apabila Kerajaan sudah menerima faedah serta manfaat Kerja yang telah disiapkan, maka bayaran hendaklah dibuat oleh Kerajaan sebagaimana wajarnya.

Menurut SPP Bil. 1 Tahun 2012, bagi mengurangkan beban kewangan kontraktor, bayaran interim bolehlah dibuat selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan bagi kerja yang telah dilaksanakan. Tarikh penilaian perakuan bayaran interim tersebut hendaklah menggunakan tarikh Perakuan Siap Kerja.

- 12) P.P. telah mengarahkan supaya kontraktor membuat reka bentuk semula kerja-kerja asas. Bolehkah yuran reka bentuk dibayar kepada kontraktor?

Syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010) adalah senyap berkaitan dengan hak P.P. untuk mengarahkan reka bentuk disediakan oleh kontraktor melainkan klausula 22 syarat-syarat kontrak yang sama, yang menyatakan mengenai tanggung jawab kontraktor untuk menyediakan reka bentuk yang “stand alone”. Namun demikian, sekiranya P.P. yang mengarahkan kontraktor menyediakan reka bentuk yang bukan “stand alone”, maka ia adalah satu tindakan yang menyimpang daripada syarat-syarat kontrak.

Sehubungan dengan itu, sekiranya kelulusan diperolehi daripada pihak yang berkuasa untuk kontraktor menyediakan reka bentuk yang bukan "stand alone", maka satu perjanjian tambahan hendaklah dibuat bagi memastikan tanggungjawab kontraktor berkaitan dengan reka bentuk dinyatakan. Perjanjian tambahan tersebut hendaklah memperuntukkan akan tanggungjawab kontraktor untuk melantik perunding bagi menyediakan reka bentuk bagi pihak kontraktor dan juga memperuntukkan bahawa kedua-dua kontraktor serta perunding adalah bertanggungan terhadap reka bentuk tersebut.

Sehubungan dengan itu, sekiranya kesemua dokumen-dokumen serta kelulusan tersebut diperolehi dan kerja telah dilaksanakan dengan seujarnya, maka bayaran bolehlah dibuat kepada kontraktor termasuklah yuran perunding.

- 13) Bolehkah tuntutan kerugian dan perbelanjaan dibayar selepas Perakuan Muktamad dikeluarkan dan jika boleh bagaimana kaedah untuk membuat bayaran tersebut?

Menurut klausula 31.4 syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010), perakuan muktamad yang dikeluarkan oleh P.P. hendaklah merangkumi kesemua nilai kerja yang dilaksanakan serta penilaian tuntutan kerugian perbelanjaan tambahan yang kontraktor layak dibayar. P.P. juga perlulah mengambil kira jumlah bayaran yang telah dibayar kepada kontraktor dan juga tolakan-tolakan yang mana pihak Kerajaan berhak ke atas kontraktor menurut syarat-syarat kontrak.

Meskipun demikian, sekiranya P.P. telah mengemukakan perakuan muktamad tanpa mengambil kira tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan, dan tuntutan tersebut sudahpun diluluskan oleh Jawatankuasa Tuntutan, maka P.P. bolehlah menyemak semula Perakuan Muktamad yang telah diluluskan itu.

Walau bagaimanapun, sekiranya kontraktor menandatangani Perakuan Muktamad dan menunjukkan persetujuannya ke atas perakuan muktamad tersebut, maka apa-apa tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan yang dituntut kemudiannya tidak boleh diambil kira.

- 14) Bolehkah perakuan muktamad dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan? Adakah tindakan sedemikian bercanggah dengan syarat-syarat kontrak?

Menurut klausa 31.3 syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010), ia antara lain memperuntukkan tanggung jawab P.P. untuk mengeluarkan Perakuan Muktamad dalam tempoh 3 bulan selepas berakhirnya DLP atau tiga bulan selepas terkeluarnya PSMK; yang mana lebih terkemudian. Dengan perkataan lain, klausa 31.3 tersebut tidak menghalang P.P. untuk mengeluarkan Perakuan Muktamad lebih awal sebelum berakhirnya DLP atau selepas terkeluarnya PSMK.

Namun demikian, sekiranya P.P. mengeluarkan perakuan muktamad lebih awal, maka tindakannya berbuat demikian boleh bermaksud beliau tidak cermat dan berhati-hati berkaitan dengan tindakan pengeluaran perakuan muktamad tersebut. Ini adalah kerana terdapat kemungkinan yang kecacatan akan timbul dalam tempoh DLP dan kemungkinan pihak kontraktor gagal memperbaiki kecacatan dalam tempoh tersebut. Sehubungan dengan itu, apabila majikan membayar ke atas perakuan muktamad yang telah dikeluarkan lebih awal, ia bermakna bahawa majikan telah membuat bayaran akhir secara pra-matang kepada kontraktor. Ini adalah memandangkan bahawa tanggung jawab kontraktor masih belum lagi berakhir menurut syarat-syarat kontrak oleh kerana pihak kontraktor masih bertanggungan untuk membaiki kecacatan yang merupakan satu obligasi kontrak.

Walau bagaimanapun, menurut SPP Bil. 1 Tahun 2012 dan SA KPKR Bil. 14/2012, P.P. hendaklah menyediakan draf penyata akaun muktamad dalam tempoh yang ditetapkan menerusi pekeliling tersebut. Dalam pada itu,

bayaran interim bolehlah dibuat kepada kontraktor setelah draf penyata akaun muktamad tersebut disediakan. Sehubungan dengan itu, sekiranya terdapat kecacatan yang tidak diperbaiki oleh kontraktor, maka kos yang timbul untuk membaiki kecacatan tersebut hendaklah ditolak daripada baki bayaran yang terlibat.

Menurut SPP Bil. 1/2012 dan SAKPKR Bil. 14/2012 juga, P.P. hendaklah menyediakan dan mengeluarkan Perakuan Muktamad apabila DLP berakhir atau apabila terkeluarnya PSMK yang mana terkemudian.

15) Adakah arahan yang dikeluarkan oleh Wakil P.P. boleh dibatalkan oleh P.P.?

Menurut klausa 3.3(b) syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010), apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Wakil P.P. hendaklah menurut terma-terma perwakilan kuasa. Selagi mana arahan yang dikeluarkan oleh Wakil menurut surat perwakilan kuasa, maka arahan tersebut akan mengikat kedua-dua kontraktor dan Kerajaan. Namun demikian, menurut klausa 3.3(b) tersebut, kegagalan wakil P.P. untuk tidak meluluskan kerja atau bahan-bahan binaan yang tidak sepatutnya dibina atau dibekalkan oleh kontraktor tidak akan memudarangkan hak P.P. untuk berbuat demikian.

Namun begitu, klausa 3.3. tidak menyatakan hak P.P. untuk membatalkan arahan wakil P.P.. Dalam hal ini, menurut klausa 3.3.(b), selagi mana wakil P.P. mengeluarkan arahan menurut bidang kuasa yang telah diwakilkan oleh P.P. di dalam surat perwakilan kuasa, maka ia mengikat kontraktor dan Kerajaan. Hanya dalam keadaan di mana wakil P.P. mengeluarkan arahan yang di luar bidang kuasanya, maka P.P. bolehlah mengakaskan atau mengubah keputusan wakil P.P. tersebut.

Umum mengetahui bahawa P.P. merupakan wakil atau ejen Kerajaan untuk mentadbir serta mengawas kerja kontraktor bagi pihak Kerajaan. Sehubungan dengan itu, wakil P.P. merupakan sub-ejen kepada P.P.. Menurut seksyen

144 Akta Kontrak 1950, sub-ejen merupakan individu yang dilantik oleh ejen dan dengan itu adalah bertindak bagi pihak dan di bawah kawalan ejen. Sehubungan dengan itu, wakil P.P. perlulah merujuk serta mendapat kelulusan P.P. dalam membuat sesuatu keputusan mahupun kelulusan.

Perlulah diingatkan bahawa menurut klausula 3.3.(d) syarat-syarat kontak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010), meskipun P.P. telah mengeluarkan perwakilan kuasa kepada wakil P.P., ia tidak menghalang P.P. daripada melaksanakan bidang kuasanya menurut syarat-syarat kontrak pada bila-bila masa. Ini adalah kerana bidang kuasa asal berkaitan dengan pentadbiran kontrak serta pengawasan masih kekal di bawah bidang kuasa P.P.

16) Adakah SPP Bil. 3 Tahun 2008 mengenai Pelaksanaan Syarat Perubahan Harga Di Dalam Kontrak Kerja masih berkuatkuasa bagi projek selepas RMKe-9?

Menurut SPP Bil. 3 Tahun 2008, pelaksanaan SPP ini berkuatkuasa mulai pada 1 Januari 2008. Walau bagaimanapun, pemakaian peruntukan khas VOP untuk projek secara reka dan bina serta kemudahan khas untuk kontrak konvensional dan reka dan bina adalah terbatal bagi projek selepas RMKe-9.

Kemudahan khas yang terbatal adalah di mana agensi tidak lagi boleh memberi lanjutan masa yang tidak melebihi 3 bulan. Agensi juga tidak lagi boleh bersetuju untuk memasuki perjanjian penamatan bersama apabila kontraktor tidak mampu meneruskan projek walaupun peruntukan khas VOP telah diperuntukkan di dalam kontrak.

Isu berhubung dengan penamatan bersama ini telahpun ditangani melalui SPP Bil. 12 Tahun 2010 di mana perjanjian penamatan bersama tidak boleh dipertimbangkan atas sebab ketidakmampuan kontraktor atau kemungkinan kontraktor melaksanakan tanggung jawabnya.

17) Adakah pihak kontraktor boleh dibayar VOP bagi kuantiti untuk projek kejuruteraan awam yang melebihi daripada kuantiti yang dinyatakan di dalam kontrak yang tidak disebabkan oleh perubahan kerja atau pengukuran semula kuantiti sementara?

Menurut perenggan 7 Peruntukan Khas VOP, kontraktor dikehendaki untuk mengemukakan anggaran kuantiti bagi bahan-bahan *diesel*, *fuel oil* dan bitumen dan anggaran tersebut hendaklah disokong dengan bukti-bukti dokumentasi. Walau bagaimanapun, anggaran bahan-bahan binaan tersebut hendaklah ditentusahkan oleh P.P. dan pelarasan kuantiti hendaklah dibuat oleh P.P. sebagaimana wajarnya.

Dalam keadaan di mana kontraktor tidak mengemukakan anggaran kuantiti bahan-bahan binaan, maka P.P. sendiri hendaklah menyediakan anggaran kuantiti tersebut.

Persoalannya ialah, sekiranya P.P. khilaf menentukan kuantiti maksima, bolehkah kontraktor membuat tuntutan ke atas kuantiti yang melebihi kuantiti maksima sebagaimana termaktub di dalam kontrak? Adalah dicadangkan tuntutan kontraktor tersebut boleh dipertimbangkan sekiranya kontraktor dapat membuktikan yang kesilapan kuantiti maksima projek tersebut adalah disebabkan kesilapan P.P..

Begitu juga bagi kuantiti bahan-bahan binaan seperti besi keluli atau simen yang mana perlu dianggarkan dan disediakan oleh P.P.. Sekiranya kontraktor dapat membuktikan kuantiti maksima bahan-bahan binaan itu adalah khilaf disebabkan kesilapan P.P., maka tuntutan kontraktor bolehlah dipertimbangkan.

Dalam keadaan di mana kuantiti yang diperuntukkan di dalam Senarai Kuantiti adalah kuantiti sementara dan peningkatan kuantiti adalah begitu mendadak selepas pengukuran semula kuantiti dibuat, maka ini juga boleh menyebabkan

kontraktor mencabar akan had maksima kuantiti bahan-bahan binaan tersebut.

Sekiranya kontraktor membuat tuntutan kuantiti bahan binaan melebihi kuantiti maksima, P.P. hendaklah mengemukakan satu laporan penilaian dan perakuan yang lengkap kepada Jawatankuasa Tuntutan untuk satu keputusan.

- 18) Adakah SPP Bil. 3 Tahun 2008 mengenai Pelaksanaan Syarat Perubahan Harga Di Dalam Kontrak Kerja masih berkuatkuasa bagi projek selepas RMKe-9?

Menurut SPP Bil. 3 Tahun 2008, pelaksanaan SPP ini berkuatkuasa mulai pada 1 Januari 2008. Walau bagaimanapun, pemakaian peruntukan khas VOP untuk projek secara reka dan bina serta kemudahan khas untuk kontrak konvensional dan reka dan bina adalah terbatal bagi projek selepas RMKe-9.

Kemudahan khas yang terbatal adalah di mana agensi tidak lagi boleh memberi lanjutan masa yang tidak melebihi 3 bulan. Agensi juga tidak lagi boleh bersetuju untuk memasuki perjanjian penamatan bersama apabila kontraktor tidak mampu meneruskan projek walaupun peruntukan khas VOP telah diperuntukkan di dalam kontrak.

Isu berhubung dengan penamatan bersama ini telahpun ditangani melalui SPP Bil. 12 Tahun 2010 di mana perjanjian penamatan bersama tidak boleh dipertimbangkan atas sebab ketidakmampuan kontraktor atau kemungkiran kontraktor melaksanakan tanggung jawabnya.

- 19) Adakah pihak kontraktor boleh dibayar VOP bagi kuantiti untuk projek kejuruteraan awam yang melebihi daripada kuantiti yang dinyatakan di dalam kontrak yang tidak disebabkan oleh perubahan kerja atau pengukuran semula kuantiti sementara?

Menurut perenggan 7 Peruntukan Khas VOP, kontraktor dikehendaki untuk mengemukakan anggaran kuantiti bagi bahan-bahan *diesel*, *fuel oil* dan bitumen dan anggaran tersebut hendaklah disokong dengan bukti-bukti dokumentasi. Walau bagaimanapun, anggaran bahan-bahan binaan tersebut hendaklah ditentusahkan oleh P.P. dan pelarasan kuantiti hendaklah dibuat oleh P.P. sebagaimana wajarnya.

Dalam keadaan di mana kontraktor tidak mengemukakan anggaran kuantiti bahan-bahan binaan tersebut, maka P.P. sendiri hendaklah menyediakan anggaran kuantiti tersebut.

Persoalannya ialah, sekiranya P.P. khilaf menentukan kuantiti maksima, bolehkah kontraktor membuat tuntutan ke atas kuantiti yang melebihi kuantiti maksima sebagaimana termaktub di dalam kontrak? Adalah dicadangkan tuntutan kontraktor tersebut boleh dipertimbangkan sekiranya kontraktor dapat membuktikan yang kesilapan kuantiti maksima projek tersebut adalah disebabkan kesilapan P.P..

Begitu juga bagi kuantiti bahan-bahan binaan seperti besi keluli atau simen yang mana perlu dianggarkan dan disediakan oleh P.P.. Sekiranya kontraktor dapat membuktikan kuantiti maksima bahan-bahan binaan itu adalah khilaf disebabkan kesilapan P.P., maka tuntutan kontraktor bolehlah dipertimbangkan.

Dalam keadaan di mana kuantiti yang diperlukan di dalam Senarai Kuantiti adalah kuantiti sementara dan peningkatan kuantiti adalah begitu mendadak selepas pengukuran semula kuantiti dibuat, maka ini juga boleh menyebabkan kontraktor mempertikaikan had maksima kuantiti bahan-bahan binaan tersebut.

Sekiranya kontraktor membuat tuntutan kuantiti bahan binaan melebihi kuantiti maksima, P.P. hendaklah mengemukakan satu laporan penilaian dan

perakuan yang lengkap kepada Jawatankuasa Tuntutan untuk satu keputusan.

20) Adakah arahan yang dikeluarkan oleh Wakil P.P. boleh dibatalkan oleh P.P.?

Menurut klaus 3.3(b) syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010), apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Wakil P.P. hendaklah menurut terma-terma perwakilan kuasa. Selagi mana arahan yang dikeluarkan oleh Wakil menurut surat perwakilan kuasa, maka arahan tersebut akan mengikat kedua-dua kontraktor dan Kerajaan. Namun demikian, menurut klaus 3.3(b) tersebut, kegagalan wakil P.P. untuk tidak meluluskan kerja atau bahan-bahan binaan yang tidak sepatutnya dibina atau dibekalkan oleh kontraktor tidak akan memudarangkan hak P.P. untuk berbuat demikian.

Namun begitu, klaus 3.3. tidak menyatakan hak P.P. untuk membatalkan arahan wakil P.P.. Dalam hal ini, menurut klaus 3.3.(b), selagi mana wakil P.P. mengeluarkan arahan menurut bidang kuasa yang telah diwakilkan oleh P.P. di dalam surat perwakilan kuasa, maka ia mengikat kontraktor dan Kerajaan. Hanya dalam keadaan di mana wakil P.P. mengeluarkan arahan yang di luar bidang kuasanya, maka P.P. bolehlah mengakaskan atau mengubah keputusan wakil P.P. tersebut.

Umum mengetahui bahawa P.P. merupakan wakil atau ejen Kerajaan untuk mentadbir serta mengawas kerja kontraktor bagi pihak Kerajaan. Sehubungan dengan itu, wakil P.P. merupakan sub-ejen kepada P.P.. Menurut seksyen 144 Akta Kontrak 1950, sub-ejen merupakan individu yang dilantik oleh ejen dan dengan itu adalah bertindak bagi pihak dan di bawah kawalan ejen. Sehubungan dengan itu, wakil P.P. perlulah merujuk serta mendapat kelulusan P.P. dalam membuat sesuatu keputusan mahupun kelulusan.

Perlulah diingatkan bahawa menurut klaus 3.3.(d) syarat-syarat kontak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010), meskipun P.P. telah mengeluarkan perwakilan kuasa kepada wakil P.P., ia tidak menghalang P.P. daripada melaksanakan bidang kuasanya menurut syarat-syarat kontrak pada bila-bila masa. Ini adalah kerana bidang kuasa asal berkaitan dengan pentadbiran kontrak serta pengawasan masih kekal di bawah bidang kuasa P.P.

21) Bolehkah tuntutan kerugian dan perbelanjaan dibayar selepas Perakuan Muktamad dikeluarkan dan jika boleh bagaimana kaedah untuk membuat bayaran tersebut?

Menurut klaus 31.4 syarat-syarat kontrak PWD 203/203A, perakuan muktamad yang dikeluarkan oleh P.P. hendaklah merangkumi kesemua nilai kerja yang dilaksanakan serta penilaian tuntutan kerugian perbelanjaan tambahan yang kontraktor layak dibayar. P.P. juga perlulah mengambil kira jumlah bayaran yang telah dibayar kepada kontraktor dan juga tolakan-tolakan yang mana pihak Kerajaan berhak ke atas kontraktor menurut syarat-syarat kontrak.

Meskipun demikian, sekiranya P.P. telah mengemukakan perakuan muktamad tanpa mengambil kira tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan, dan tuntutan tersebut sudahpun diluluskan oleh Jawatankuasa Tuntutan, maka P.P. bolehlah menyemak semula Perakuan Muktamad yang telah diluluskan itu.

Walau bagaimanapun, sekiranya kontraktor menandatangani Perakuan Muktamad dan menunjukkan persetujuannya ke atas perakuan muktamad tersebut, maka apa-apa tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan yang dituntut kemudiannya tidak boleh diambil kira.

22) Bolehkah perakuan muktamad dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan? Adakah tindakan sedemikian bercanggah dengan syarat-syarat kontrak?

Menurut klausula 31.3 syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010), ia antara lain memperuntukkan tanggung jawab P.P. untuk mengeluarkan Perakuan Muktamad dalam tempoh 3 bulan selepas berakhirnya DLP atau tiga bulan selepas terkeluarnya PSMK; yang mana lebih terkemudian. Dengan perkataan lain, klausula 31.3 tersebut tidak menghalang P.P. untuk mengeluarkan Perakuan Muktamad lebih awal sebelum berakhirnya DLP atau selepas terkeluarnya PSMK.

Namun demikian, sekiranya P.P. mengeluarkan perakuan muktamad lebih awal, maka tindakannya berbuat demikian boleh bermaksud beliau tidak cermat dan berhati-hati berkaitan dengan tindakan pengeluaran perakuan muktamad tersebut. Ini adalah kerana terdapat kemungkinan yang kecacatan akan timbul dalam tempoh DLP dan kemungkinan pihak kontraktor gagal memperbaiki kecacatan dalam tempoh tersebut. Sehubungan dengan itu, apabila majikan membayar ke atas perakuan muktamad yang telah dikeluarkan lebih awal, ia bermakna bahawa majikan telah membuat bayaran akhir secara pra-matang kepada kontraktor. Ini adalah memandangkan bahawa tanggung jawab kontraktor masih belum lagi berakhir menurut syarat-syarat kontrak oleh kerana pihak kontraktor masih bertanggungan untuk membaiki kecacatan yang merupakan satu obligasi kontrak.

Walau bagaimanapun, menurut SPP Bil. 1 Tahun 2012 dan SA KPKR Bil. 14/2012, P.P. hendaklah menyediakan draf penyata akaun muktamad dalam tempoh yang ditetapkan menerusi pekeliling tersebut. Dalam pada itu, bayaran interim bolehlah dibuat kepada kontraktor setelah draf penyata akaun muktamad tersebut disediakan. Sehubungan dengan itu, sekiranya terdapat kecacatan yang tidak diperbaiki oleh kontraktor, maka kos yang timbul untuk membaiki kecacatan tersebut hendaklah ditolak daripada baki bayaran yang terlibat.

Menurut SPP Bil. 1/2012 dan SAKPKR Bil. 14/2012 juga, P.P. hendaklah menyediakan dan mengeluarkan Perakuan Muktamad apabila DLP berakhir atau apabila terkeluarnya PSMK yang mana terkemudian.

23) Sekiranya dokumen kontrak hanya memperuntukkan butiran perabot bina dalam (*built in furniture*) tetapi semasa projek sedang dijalankan pihak pelanggan memohon agar dimasukkan item bagi perabot terlerai (*loose furniture*). Bolehkah perkara tersebut dilaksanakan? Sekiranya boleh bagaimanakah caranya?

Sebelum permohonan pihak pelanggan tersebut dipertimbangkan, P.P. perlulah merujuk kepada Pekeling Kontrak Perbendaharaan (PKP) yang masih berkuatkuasa bagi mengenalpasti kontrak pusat berkaitan dengan bekalan perabot. Sekiranya apa yang dipohon adalah tertakluk kepada PKP, maka P.P. hendaklah menasihati pihak pelanggan untuk melantik pembekal melalui Kontrak Pusat Sistem Panel yang sedang berkuatkuasa.

Sekiranya apa yang dipohon tidak terdapat dalam kontrak pusat, maka permohonan ini merupakan satu perubahan kerja kepada kontrak. Dalam hal ini, P.P. perlulah meminta satu surat permohonan rasmi daripada pihak pelanggan berkaitan dengan permohonan tersebut. Dalam pada masa yang sama P.P. perlulah memastikan bahawa peruntukan kewangan semasa projek adalah mencukupi. P.P. juga perlulah meneliti kesan permohonan perubahan kerja ini sama ada ia akan melibatkan lanjutan masa yang perlu diberikan kepada kontraktor. Sekiranya ini berlaku P.P. perlulah memberi nasihat akan implikasi tempoh masa penyiapan projek kepada pihak pelanggan.

P.P. perlulah juga memaklumkan kepada pihak pelanggan bahawa apabila lanjutan masa diberikan kepada kontraktor, maka ia akan memberi hak kepada kontraktor untuk menuntut kerugian dan perbelanjaan tambahan daripada pihak Kerajaan. Dalam hal ini ia akan melibatkan peningkatan kos projek yang mana bukan sahaja dari sudut kos tambahan akibat perubahan kerja tersebut tetapi juga dari sudut bayaran pampasan kepada kontraktor dalam bentuk bayaran kerugian dan perbelanjaan tambahan.

Sekiranya pihak pelanggan masih mahu meneruskan pelaksanaan perubahan kerja tersebut setelah mengambil kira kesan-kesan yang dinyatakan di atas, maka P.P. perlulah memohon kepada Jawatankuasa Perubahan Kerja untuk mendapatkan kelulusan.

24) Sekiranya terdapat satu perubahan kerja yang melibatkan pengurangan yang besar daripada kontrak, adakah kadar-kadar harga kontrak yang terkandung di dalam Senarai Kuantiti masih lagi mengikat kedua-dua belah pihak?

Menurut nas-nas perundangan yang diputuskan dalam beberapa kes di mahkamah, pengurangan kerja yang besar adalah sesuatu perkara yang di luar jangkaan kedua-dua belah pihak iaitu kontraktor serta Kerajaan apabila memasuki kontrak. Dengan perkataan lain sekiranya perubahan kerja yang dimaksudkan itu melibatkan nilai pengurangan yang besar, ia merupakan satu perubahan skop kerja dan bukanlah satu perubahan kerja yang dijangkakan oleh kedua-dua belah pihak semasa memasuki kontrak.

Apabila ini berlaku dan kedua-dua belah pihak bersetuju akan pengurangan tersebut, maka kedua-dua belah pihak dikatakan telah menulis semula kontrak tersebut. Dalam hal ini terma-terma kontrak berkaitan dengan masa serta kadar-kadar harga kontrak tidak lagi mengikat kedua-dua belah pihak. Oleh itu adalah wajar satu perjanjian tambahan dibuat di antara kontraktor dengan pihak Kerajaan bagi menetapkan skop kerja yang baru serta tempoh penyiapan yang baru. Dalam hal ini kedua-dua belah pihak hendaklah merundingkan kadar-kadar harga baru serta harga kontrak baru dan terserahlah kepada kedua-dua belah pihak untuk menggunakan kadar-kadar harga kontrak kontrak sebagai asas rundingan.

25) Apabila Arahan Perubahan Kerja (APK) ditandatangani oleh P.P. dan dihantarkan kepada kontraktor, bolehkah kontraktor tidak bersetuju dengan APK tersebut?

Merujuk kepada klaus 5.1(a) syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010), ia antara lain menyatakan bahawa P.P. bolehlah dari masa ke semasa mengeluarkan arahan P.P. berkaitan dengan perubahan kerja. Seterusnya merujuk klaus 5.2 syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010), semua arahan P.P. hendaklah dikeluarkan secara bertulis. Namun demikian, menurut klaus 5.3 syarat-syarat kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 1/2010) sekiranya kontraktor enggan mematuhi arahan P.P., maka P.P. bolehlah melantik kontraktor yang berasingan untuk menyiapkan arahan kerja tersebut dan tuntutan kos yang ditanggung oleh kerajaan bolehlah dibuat kepada kontraktor.

Namun begitu, pihak kontraktor mempunyai hak untuk tidak mematuhi arahan P.P. sekiranya arahan P.P. tersebut bukan merupakan satu perubahan kerja tetapi merupakan perubahan skop kerja. Dalam hal ini kedua-dua belah pihak perlulah merundingkan terma-terma perjanjian tambahan berkaitan dengan perubahan skop kerja tersebut.